

B562
MAHATHIR

1976

SEREMBAN, 7 JULAI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN HARI INI SELAGI SISTEM KERJASAMA ANTARA KAUM YANG YUNIK YANG TELAH DICIPTA DAN DIRINTIS OLEH UMNO DAN MCA DALAM TAHUN 1951 DAPAT DIPERTAHANKAN. KEJAYAAN MALAYSIA DI MASA DEPAN AKAN TERUS TERJAMIN. KATANYA, UMNO DAN MCA HARUS BERBANGGA KERANA SISTEM YANG MEREKA BENTUK TELAH BERJAYA DAN BERKEMBANG DALAM MASA UJIAN YANG SENGGAT DAN PERLU LAH MEMPERTAHANKANNYA. KALAU TIDAK BESAR KEMUNGKINAN IA AKAN MENJADI LEMAH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERUCAP DEMIKIAN DI UPACARA MEMECAH TANAH DI TAPAK WISMA MCA DI JALAN LEMON DI SINI.

DR. MAHATHIR BERKATA MEMANG ADA NEGARA LAIN YANG BERBILANG KAUM. TETAPI DI NEGARA INI SATU EKSPERIMEN KERJASAMA ANTARA KAUM DALAM BIDANG POLITIK YANG YUNIK TELAH DICUBA DAN HASILNYA ADALAH JELAS.

KATANYA, WALAUPUN MASING-MASING KAUM BERPEGANG TEGUH KEPADA IDENTITINYA DAN MENUBUHKAN PARTI POLITIK MASING-MASING TETAPI PARTI POLITIK KAUM INI DAPAT BEKERJASAMA SEHINGGA BOLEH MEMERENTAH NEGARA INI SEJAK MERDEKAWMAABERSAMBUNG 1532/BY

EE
B570

MAHATHIR 2 SEREMBAN

DR. MAHATHIR BERKATA SISTEM KERJASAMA PARTI-PARTI KAUM INI DIADAKAN BUKANLAH KERANA DEMOKRASI YANG MEMERLUKANNYA. TETAPI KEFANA PERASAAN INGIN BEKERJASAMA UNTUK KEBAIKAN BERSAMA.

SEBAB ITULAH SUNGGUHPUN KERAJAAN SUDAH MEMPUNYAI MAJORITI. NAMUN KERJASAMA ITU TERUS DIPERLUASKAN LAGI DAN BUKTINYA KEMASUKI USNO. BERJAYA DAN SNAP KE DALAM BARISAN NASIONAL BARU-BARU INI. KATANYA.

DALAM BARISAN NASIONAL PARA PEMIMPIN PARTI ANGGUTA BOLEH BERU - DING DAN BERBINCANG DENGAN TENANG UNTUK KEBAIKAN BERSAMA.

UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DR. MAHATHIR BERKATA PARA PEMIMPIN PARTI PERLU MENJELASKAN KEPADA AHLI-AHLI BIASA DAN ORANG RAMAI TUJUAN BARISAN NASIONAL DAN MENDAPAT KEYAKINAN MEREKA.

UMPAMANYA PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL TELAH MENERIMA DASAR EKONOMI BARU DAN MEREKA PERLU LAH MENERANGKAN KEPADA PARA AHLI DAN ORANGRAMAI MENGAPA MEREKA MENERIMA DASAR ITU DEMI MENGELAKKAN SALAH FAHAM ANTARA KAUM. TEGAS BELIAU.--BERSAMBUNG 1615/BY

B574

MAHATHIR 3 SEREMBAN

AHLI MAJLIS KERJA KANAN NEGERI. DATUK TAHA TALIB YANG MEWAKILI MENTERI BESAR DI UPACARA ITU MEMINTA KERAJAAN PUSAT MEMBERI PERHATIAN PENUH SERTA BANTUAN KEPADA NEGERI-NEGERI DAN DAERAH YANG KURANG MAJU DI MASA AKAN DATANG.

PENGERUSI JAWATANKUASA PERHUEUNGAN MCA NEGERI SEMBILAN. DATUK WONG SENG CHOW BERKATA BANGUNAN ITU BERTHARGA \$500.000 TERMASUK HARGA TAPAKNYA. AKAN SIAP DALAM MASA SEMBILAN BULAN DARI SEKARANG.

TURUT HADIR DIUPACARA ITU IALAH SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI. ENCIK MOHAMED YUSOF LASIM. -- BERNAMA 1635/AB